

UTeM, UMS

anjur IC 2012

DE 11·03·2012 5

KOTA KINABALU: Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menjalin kerjasama dengan Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk menganjurkan Pertandingan Imagine Cup (IC) 2012 yang akan berlangsung pada 16 hingga 17 Mei di sini.

Kesepakatan ini telah dinyatakan oleh Naib Canselor UMS Brig. Jen. Prof Datuk Seri Dr Kamaruzaman Ampon sewaktu kunjungan hormat Naib Canselor UTeM Prof Datuk Dr Ahmad Yusoff Hassan, merangkap Penggerusi Pertandingan Imagine Cup peringkat kebangsaan ke UMS, baru-baru ini.

Terdahulu, Dr Ahmad Yusoff berkata, perkongsian strategik antara UTeM dan UMS ini merupakan satu sinergi dalam merealisasikan program yang berim-pak besar bukan sahaja di peringkat nasional malah di peringkat global.

Kamaruzaman pula melahirkan rasa penghargaan kerana pertandingan IC 2012 dibawa ke Negeri ini, justeru pendekatan itu akan memberi makna besar kepada seluruh institusi pengajian tinggi (IPT) di Sabah.

UMS akan memastikan perjalanan program ini berjalan dengan lancar dan mencapai matlamatnya.

Sementara itu, kedua-dua pihak turut meman-jangkan agenda ini menerusi perbincangan dan perancangan komprehensif selaku rakan kerjasama bagi memastikan pengelolaan penganjuran kali ini akan terlaksana dengan jayanya di sini.

Kerjasama dua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) ini juga dilihat dalam sebagai penterjemahan konsep rangkaian dalam menjayakan program dan agenda bertaraf tinggi yang diamanahkan oleh KPT.

Pertandingan Imagine Cup 2012 di kali ini bakal menyaksikan kehebatan dan kreativiti para pelajar IPT mencipta perisian baru bagi membantu menyelesaikan masalah dan isu global semasa.

Pertandingan pada tahun ini merupakan penganjuran kali keempat yang dianjurkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) dan syarikat multinasional Microsoft Malaysia.